



PERKASA

EDISI KHAS SEMPENA HARI ULANG TAHUN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE - 62 TAHUN
KELUARAN 01 | 31 MEI 2023

Perpaduan & Kerjasama



ISI KANDUNGAN

- 1 SEKAPUR SIRIH
- 2 NOTA KETUA PENYUNTING
- 3 AHLI KOMITI MAJALAH MAB ABDB
SINOPSIS PERKASA
- 4 - 5 WAWANCARA PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA
- 6 - 7 EKSESAIS HIKMAT BERSATU VI
- 8 - 9 EKSESAIS BERSAMA ANGKATAN SAHABAT
- 10 EKSESAIS PERISAI KEBANGSAAN
- 11 PENUBUHAN *AREA OF OPERATION TASK FORCE SECURITY COVID-19*
PENUBUHAN *TASK FORCE SUPPORT GROUP COVID-19*
- 12 PROGRAM JANGKAUAN (*OUTREACH PROGRAM*)
- 13 PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PENINGKATAN KAPASITI
- 14 TIM PEMANTAU ANTARABANGSA MINDANAO, REPUBLIK FILIPINA
- 15 *INDEPENDENT DECOMMISSIONING BODY, VERIFICATION, MONITORING AND ASSISTANCE TEAM*
- 16 - 17 MALAYSIAN BATTALION 850-9 (MALBATT 850-9) *UNITED NATIONS INTERIM FORCE IN LEBANON*
- 18 - 19 SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN MARKAS ANGKATAN BERSAMA KE-15
- 20 SESI BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II SECARA MAYA
LAWATAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA KE *UNITED NATIONS INTERIM FORCE IN LEBANON*
- 21 LAWATAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA KE LUAR NEGARA
- 22 DIPLOMASI PERTAHANAN
- 23 SEMINAR, SIMPOSIUM DAN BENGKEL
- 24 HARI PENGAJIAN ABDB 2022
- 25 LAWATAN PESERTA KURSUS MAKTAB TURUS
HARI BELAJAR PEGAWAI - PEGAWAI MAB ABDB
- 26 PUSAT DOKTRIN DAN PEPERANGAN BERSAMA (PDPB)
KURSUS PERANCANGAN OPERASI BERSAMA
- 27 UNIT PERTAHANAN SIBER MAB ABDB
SERAH TERIMA BANGUNAN *MULTINATIONAL COORDINATION CENTRE (MNCC)*
- 28 MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA
- 29 SESI MUZAKARAH PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA
- 30 MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS BAGI SARJAN MEJAR ANGKATAN BERSAMA
MAJLIS JASA MU DIKENANG
PERKONGSIAN KEPIMPINAN
- 31 ACARA - ACARA KENAIKAN PANGKAT
- 32 - 33 ACARA-ACARA IHYA RAMADHAN DAN KEAGAMAAN
- 34 AKTIVITI - AKTIVITI SUKAN



Sekapur Sirih



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, sempena sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kali ke-62 pada tahun ini, Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) menampilkan keluaran sulung Edisi Khas Majalah PERKASA. Majalah ini merupakan peluang bagi MAB ABDB untuk mengkongsikan aktiviti-aktiviti terkini dan aspirasi keberhasilan pada masa depan.

Semenjak ditubuhkan pada 15 Disember 2007, MAB ABDB telah pun melalui arus perubahan yang menonjol kepentingannya mengikut perkembangan semasa serta keperluan operasi. Selain berperanan sebagai pusat perintah dan kawalan bagi operasi-operasi bersama (*joint*) oleh ABDB, MAB ABDB juga berperanan selaku penghubung dengan agensi-agensi kerajaan dan Angkatan-angkatan Tentera sahabat. Bagi meningkatkan interoperabiliti, MAB ABDB juga mengendalikan eksekusi bersama dengan agensi-agensi keselamatan Negara Brunei Darussalam dan Angkatan-angkatan Tentera sahabat.

MAB ABDB juga bertanggungjawab menyelaras penyertaan anggota-anggota ABDB ke misi pengaman di luar negara seperti *International Monitoring Team (IMT)*, *United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL)* dan *Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT)* di samping misi bantuan kemanusiaan.

Kemunculan pandemik *COVID-19* pada tahun 2019 telah membuktikan keupayaan ABDB khususnya diselenggarakan oleh MAB ABDB dalam menyokong pendekatan negara *Whole of Nation* iaitu memberikan pelbagai jenis bantuan klinikal dan bukan klinikal. Walaubagaimanapun, ianya tidak menghalang MAB ABDB untuk mengorak langkah dan membuat perkembangan. Dengan penubuhan Unit Pertahanan Siber pada tahun 2021, ianya merupakan salah satu usaha untuk melindungi aset-aset ABDB yang berkaitan dengan teknologi maklumat daripada serangan siber.

Buat akhirnya, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada tim penyunting kerana berjaya melahirkan Majalah MAB ABDB keluaran pertama ini. Sehingga kita berjumpa lagi di keluaran akan datang.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

BRIGEDIER JENERAL (U) DATO SERI PAHLAWAN
HAJI ALIRUPENDI BIN HAJI PERUDIN
PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA

NOTA KETUA PENYUNTING



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahuwataala, dengan izin-Nya jua, Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) telah berjaya menerbitkan majalah keluaran pertama dengan mengambil sukut baik sempena sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-62.

PERKASA merupakan nama bagi majalah ini yang dihasratkan dapat mengilustrasikan coretan perjalanan MAB ABDB serta sumbangannya kepada ABDB khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya. Justeru, penampilan majalah ini buat julung-julung kalinya akan memuatkan perkembangan dan pencapaian MAB ABDB yang signifikan serta terkini sejak penubuhannya 15 tahun yang lalu. Bertitik tolak daripada itu, majalah ini akan memfokuskan kegiatan-kegiatan bermula pada tahun 2022 hingga sekarang.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Eksesais Hikmat Bersatu 6/2021 akan menghiasi ruangan khas untuk pengeluaran majalah sulung MAB ini.

Dialog bersama Yang Mulia Pemerintah AB ABDB pula akan memulakan ruangan sebagai pembuka tirai majalah yang merangkumi aspirasi dan hala tuju semenjak mengambil alih pucuk kepimpinan MAB ABDB bermula pada 25 Febuari 2022. Dalam ruangan seterusnya, pembaca akan dijamu dengan artikel-artikel yang mengandungi coretan kegiatan dan keterlibatan ABDB terutama sekali semasa Pandemik COVID-19 melanda negara serta operasi-operasi bersama agensi-agensi kerjajaan. Dalam ruangan yang lain pula menampilkan aktiviti-aktiviti memperkasa hubungan diplomasi pertahanan seperti eksesais bersama angkatan sahabat dan penglibatan operasi dalam dan luar negara seperti *United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFIL)*, *International Monitoring Team (IMT)* dan *Independent Decommissioning Body (IDB)*. Tidak juga dilupakan kegiatan-kegiatan lain seperti sambutan Hari Ulang Tahun MAB ABDB, acara keagamaan dan sukan sebagai santapan minda pembaca.

Akhirulkalam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat membaca dan berharap agar penerbitan keluaran pertama ini sebagai titik permulaan untuk keluaran seterusnya pada masa akan datang. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khusus kepada Ahli Jawatankuasa Majalah yang telah menyumbangkan gagasan, tenaga dan masa dalam sama-sama menjayakan penerbitan pertama majalah PERKASA ini. Sekian, Wassalam.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

LEFTENAN KOLONEL SITI NORLELAWATI BINTI HJ EMRAN
KETUA PENYUNTING MAJALAH MAB ABDB



AHLI KOMITI

PENAUNG

Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin

PENASIHAT

Leftenan Kolonel Aldi bin Haji Hassan

KETUA PENYUNTING

Leftenan Kolonel Siti Norlelawati binti Haji Emran

TIMBALAN KETUA PENYUNTING

Mejar Lizawati binti Haji Suhaili

PENULIS

Leftenan Kolonel Hairin bin Japar
Mejar Haji Nafisal @ Dedy bin Haji Salim
Mejar Ahmad Bohare bin Haji Mansor
Kapten Zulkahiril bin Mohd Daud
Leftenan Komander Muhd Hakim bin Haji Basman, TLDB
Leftenan Nur Mahirah binti Haji Abas, TLDB
Kapten Muhammad Farid bin Muhammad Raffi
Kapten (U) Hajimah binti Mosah
Kapten Mohd Ihyā'udiin bin Haji Ishak
Leftenan Ahmad Nafees bin Haji Kamsani, TLDB

Kapten Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad
Kapten Lydiana @ Ladyana binti Mohd Morshidi
Leftenan Dk Nurul Hidayatul Aqilah binti Pg Ibrahim
Leftenan Nurhamizah Qasrina binti Haji Osman
Leftenan Dk Noor Amal Hazirah binti Pg Harun
Leftenan Amira Nur'ezzati binti Jali
Pegawai Waran 1 Sahrol bin Omar
Pegawai Waran 1 Iswadi bin Kamis
Pegawai Waran 2 Ahmad Hambali bin Yahya
Sarjan Khairol Hamizan bin Kipli

REKA BENTUK

Mejar Lizawati binti Haji Suhaili (Ketua)
Leftenan Ahmad Nafees bin Haji Kamsani, TLDB
Leftenan (U) Mohammad Ammar Rabbani Al-Rasyid bin Haji Marali

Leftenan Amira Nur'ezzati binti Jali
Lans Koperal (U) Abdul Muizzuddin bin Abd Rahim

SINOPSIS PERKASA

PERKASA adalah akronim daripada perkataan **Perpaduan dan Kerjasama**. Ianya seiring dengan peranan Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) dalam menyatukan rancangan, mengkoordinasikan pelaksanaan semua operasi bersama (*Joint Operation*) dan Latihan unit-unit ABDB di dalam dan luar negara serta kerjasama rapat bersama Agensi-agensi Keselamatan di Negara Brunei Darussalam. Peranan MAB ABDB ini juga menumpukan kepada pendekatan 'Whole of Nation' dalam sama-sama menentukan keamanan, keselamatan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

PERKASA



Emel kami di
www.jfhq@mindef.gov.bn



ALAMAT
Markas Angkatan Bersama
Bolkih Garison, BB3510
Negara Brunei Darussalam



NOMBOR TELEFON
+6732386928



LAYARI
[jfhqbrunei](https://www.instagram.com/jfhqbrunei)



WAWANCARA

PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA

Diwawancara oleh: 1147 Leftenan Ahmad Nafees bin Haji Kamsani, TLDB

1 Dapatkah Yang Mulia Dato kongsi serba sedikit tentang kerjaya Yang Mulia Dato sebelum menjawat jawatan selaku Pemerintah Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei?

Lebih kurang separuh dari jangkamasa pertama kerjaya saya ialah di unit asal saya iaitu Rejimen Udara kini dikenali dengan Cawangan Nombor 2 iaitu di bidang Pertahanan Pangkalan dan Pertahanan Udara. Antara jawatan saya pegang di unit tersebut ialah Ketua Terup, Pegawai Memerintah, Pegawai Latihan, Timbalan Pegawai Pemerintah dan Pegawai Pemerintah. Selebihnya pelbagai perjawatan saya pegang termasuk Juruiring Kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Atase Pertahanan ke Republik Filipina, Pembantu Tentera kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pegawai Turus Keanggotaan, Pengarah Keanggotaan dan Timbalan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei.

2 Apakah keutamaan Yang Mulia Dato setelah memegang tampuk kepimpinan di Markas Angkatan Bersama?

Keutamaan pertama ialah untuk meneruskan usaha baik, perancangan dan wawasan saf pimpinan terdahulu. Bertolak dari situ, Markas Angkatan Bersama (MAB) secara berterusan perlu berusaha meningkatkan keupayaan dan kapasiti melalui perancangan yang rapi. Seterusnya adalah mustahak bagi MAB ABDB untuk memenuhi keperluan operasi bersama mengikut peredaran masa, agar MAB ABDB berupaya menandai tugas yang diamanahkan dengan berkesan. Selain itu, untuk MAB terus relevan, kapasiti sumber manusia hendaklah dipertingkatkan melalui kursus, eksesais, bengkel dan seminar di dalam mahupun diluar negeri. Sebagai sebuah organisasi, MAB sewajarnya mengamalkan kepimpinan berwibawa, pengurusan yang cekap, pemedulian terhadap kebajikan anggota dan penggunaan sumber (resources) dengan efisien dan berhemah. Mudah-mudahan dengan usaha itu ke arah semua ini akan meningkatkan lagi imej atau profil MAB.

3 Pada pandangan Yang Mulia Dato bagaimanakah Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan berupaya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya selaras dalam mendokong Kertas Putih Pertahanan 2021 dan Prinsip Panduan Pemerintah Angkatan

Pertama sekali ialah bagi MAB untuk dapat menyelaras operasi bersama dengan efektif dan efisien, melalui perintah dan kawalan yang mantap. Seterusnya bagi MAB menjalin hubungan kerja yang erat dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkenaan. Ini antara lain bagi mencapai interoperability di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan agensi-agensinya tersebut. Kemudian, bagi MAB mengukuhkan hubungan profesionalisme (khususnya kerjasama operasi) dengan angkatan-angkatan sahabat dari luar negara melalui eksekutif, seminar, bengkel, lawatan dan seumpamanya. Antara lain ini adalah bagi tujuan diplomasi pertahanan (yang merupakan salah satu tonggak pertahanan yang dinyatakan di dalam Kertas Putih Pertahanan 2021), memperkasa kemahiran serta pendedahan anggota ABDB di dalam operasi dua hala atau pelbagai hala, menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau serta sejagat, dan meningkatkan kredibiliti ABDB. Ini selaras dengan Visi Pertahanan iaitu *'A Formidable Armed Forces and a Reliable Partner'*.

Di dalam usaha memfokuskan terhadap tanggungjawab utama, barisan pimpinan MAB ABDB sewajarnya hendaklah sentiasa merujuk dan membuat sandaran kepada Kertas Putih Pertahanan 2021 dan Prinsip Panduan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Selain dari Diplomasi Pertahanan dua lagi tonggak pertahanan ialah Cegah Rintang (*Deterrence*) dan Pertahanan Holistik. Melalui penyelarasan operasi bersama yang berkesan, MAB ABDB dapat menyumbang kepada Cegah Rintang, dan melalui kerjasama operasi dengan pelbagai agensi dalam negara serta Angkatan-Angkatan Sahabat selain dapat menyumbang kepada Pertahanan Holistik. Manakala, Prinsip Panduan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memberi penekanan terhadap Keberkesanan Operasi Bersama dan Pendekatan *Whole of Nation* yang mana MAB ABDB dapat menyumbang ke arah ini juga melalui tugas dan tanggungjawab yang telah dinyatakan di atas.

4 Pada pandangan Yang Mulia Dato apakah ciri yang mustahak dimiliki oleh seorang pemimpin?

Secara ringkas, ada dua aspek penting di dalam kepimpinan, iaitu *character* dan *competence*. *Character* atau ciri, keperibadian di sini ialah penerapan nilai mengikut penekanan sesebuah organisasi itu sebagai contoh bertanggungjawab, berwibawa, berpandangan jauh, pemeduliaan dan banyak lagi. ABDB mempunyai penekanan dan keutamaannya tersendiri yang mana antara lain diterapkan di dalam kursus-kursus kepimpinan. Oleh itu perlu diterapkan secara berterusan. Manakala *competence* atau kemampuan, kebolehan merujuk kepada seseorang ketua itu memiliki ilmu yang tinggi, pengalaman luas, mahir dan cekap dalam bidang kepakaran masing-masing. Dengan adanya kedua aspek ini, seseorang pemimpin diharap akan lebih dihormati/digalati dan dipatuhi.

5 Apakah sifat-sifat penting yang perlu diterapkan oleh mana-mana kakitangan secara berterusan dalam diri mereka?

Di antaranya ialah sifat tekun, amanah, cekap, bekerjasama, saling bantu membantu dan tidak mementingkan diri sendiri, berfikiran positif dan proaktif serta sentiasa ingin memajukan diri. Perkara ini boleh diterapkan secara formal seperti di dalam kursus-kursus, taklimat, bengkel dan lainnya serta secara tidak formal melalui aktiviti di jabatan masing-masing seperti aktiviti *team-building*.

6 Buat akhirnya, apakah kata-kata semangat yang boleh Yang Mulia Dato berikan kepada generasi baharu pemimpin dan anggota-anggota tentera?

Setiap generasi mempunyai proses perkembangan tersendiri, pengalaman tersendiri serta cabaran tersendiri yang berbeza dengan generasi terdahulu dan yang terkemudian. Seperti yang kita maklum, setiap generasi tanpa mengira generasi lama mahupun yang baru memang akan membuat yang terbaik untuk organisasi. Walaubagaimanapun, setiap generasi haruslah mempelajari daripada generasi terdahulu bukan sahaja dari segi kejayaan malahan juga liku-liku (*trials and tribulations*) mereka. Pada masa yang sama, generasi terkini dan yang akan datang harus mempunyai wawasan yang dinamik sejajar dengan peredaran zaman. Dari itu, setiap generasi perlu memiliki empati dan bukannya mencari kekurangan daripada generasi terdahulu atau terkemudian, peka dan menerima-baik (*embrace*) apa jua perbezaan yang ada antara satu sama lainnya. Ringkasnya setiap generasi sewajarnya bangkit mengatasi cabaran yang datang, menaani tanggungjawab dengan sebaiknya demi kesinambungan dari generasi sebelumnya serta apabila tiba masanya menyerahkan tanggungjawab ke generasi berikutnya.

EKSESAIS HIKMAT BERSATU VI/2021



Keberangkatan KDYMM ke Penanjong Garison bagi menyaksikan *Urban Operation*



KDYMM beramah mesra bersama anggota daripada 3Bn TDDDB dan 2RGR

Eksesais Hikmat Bersatu VI/2021 telah berjaya dikendalikan bermula 26 Julai sehingga 31 Julai 2021. Eksesais tersebut diadakan bagi memberikan peluang latihan yang komprehensif untuk ABDB, dengan tema senario kontemporari untuk menilai tahap taktikal dan operasi ABDB dalam operasi ketenteraan dengan menyemak Prosedur Operasi Standard unit. Tumpuan latihan itu berkaitan dengan ancaman keselamatan bukan tradisional (*non-traditional threats*) termasuk *counter-terrorism* dan *counter-illegal activities*.

Eksesais ini melibatkan semua unit Angkatan Tentera, iaitu Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB), Rejimen Pasukan Khas (RPK), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Pasukan Simpanan Gurkha (PSG), Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles (2RGR), British Forces Brunei (BFB) dan Pejabat-Pejabat Daerah yang melibatkan kawasan perairan Negara Brunei Darussalam serta beberapa kawasan pendalaman, perumahan dan komersial di keempat daerah.

Pada hari Khamis, 29 Julai 2021, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi meninjau dan menyaksikan secara dekat ekseseais berkenaan yang berkonsepkan *Urban Operation* dan *Maritime Interdiction Operation*.

Urban Operation yang diberi nama Eksesais Operasi Kelasak telah diadakan di Perkampungan FIBUA, Penanjong Garison, dan dikendalikan oleh Batalion Ketiga TDDDB dan RPK ABDB, dengan sokongan daripada 2RGR, BFF, PSG dan PPDB. Semasa ekseseais tersebut, operasi bersama (*Joint Operation*) berjaya menewaskan musuh, iaitu Kumatang Utara Puradvipa (KUP) di Kampung Layong. Situasi senario menunjukkan Kampung Layong sedang mengalami beberapa insiden seperti sabotaj loji air utama dan juga insiden penculikan. Kekuatan KUP adalah lebih daripada satu platun dan aktiviti mereka adalah membuat kacau bilau Angkatan Sahabat dan membuat Operasi Psikologi untuk mendapatkan sokongan penduduk.

Penulis: 1118 Kapten (U) Hajimah binti Mosah

URBAN OPERATION & MARITIME INTERDICTION OPERATION



Keberangkatan KDYMM bagi menyaksikan *Maritime Interdiction Operation*



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen menyertai *Urban Operation*



Demonstrasi Eksesais Operasi Kelasak di Perkampungan FIBUA, Penanjong Garison



Penglibatan anggota 2RGR

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya dijunjung berangkat menaiki pesawat helikopter Blackhawk S70i dan mendarat di atas Kapal KDB DARUTTAQWA bagi menyaksikan serangan penahanan di laut (*Maritime Interdiction Operations*). Baginda seterusnya menyaksikan operasi menyelamat tawanan yang ditawan oleh kumpulan penggempur yang merampas kapal di mana Paduka Anakanda Baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga turut menyertai pasukan operasi menyelamat tawanan tersebut.

Eksesais ini diadakan adalah untuk menilai keupayaan-keupayaan baharu ABDB dalam memenuhi misi yang telah diamanahkan, disamping menilai keberkesanan Brunei *Joint Doctrine Publication* dan *Standard Operating Procedures (SOP)* unit-unit Angkatan Tentera. Selain itu, eksesais ini juga untuk memantapkan lagi kesiapsiagaan ABDB dalam gerakan bersama iaitu *jointness* bagi mendukung dan menanai tanggungjawab untuk mempertahankan keamanan, kemakmuran serta kedaulatan Negara Brunei Darussalam selaras dengan aspirasi Kertas Putih Pertahanan 2021 dan Wawasan Brunei 2035.

EKSESAIS BERSAMA ANGKATAN SAHABAT

Penulis: 1497 Leftenan Amira Nur'ezzati binti Jali

EKSESAIS COOPERATION AFLOAT READINESS AND TRAINING (CARAT) SIRI KE-28

Eksesais ini dibahagi kepada 2 fasa iaitu *Shore Phase* dan *Sea Phase*. *Shore Phase* merangkumi beberapa program *Subject Matter Expert Exchange (SMEE)* dalam pelbagai bidang. Manakala *Sea Phase* bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kedua-dua angkatan laut dalam mengesan dan mengejar sasaran serta Latihan Mencari dan Menyelamat.



Ketibaan Kapal TLAS di Perlabuhan Komersial, Muara



Lawatan Pesawat AS P-8 Poseidon



Persembahan CARAT di Jerudong Park Amphitheatre



Pegawai-pegawai wanita ABDB dan TLAS semasa Majlis Resepsi



Anti-Terrorism and Force Protection SMEE




Latihan semasa Fasa Laut

EKSESAIS SOUTHEAST ASIAN COOPERATION AND TRAINING (SEACAT) SIRI KE-21

Field Training Exercise (FTX) dijalankan serentak dengan *Command Post Exercise (CPX)* di Republik Singapura. Selain daripada kapal peronda maritim (*9-Line Surface Contact Report*), aset lain seperti Pesawat P-8 juga digunakan sebagai sebahagian daripada *reconnaissance*. Aktiviti-aktiviti yang dibuat di Republik Singapura termasuk *Maritime Domain Awareness (MDA)*, bengkel *Visit, Board, Search and Seizure (VBSS)* dan, bengkel *Unmanned Aerial Surveillance (UAS)*.



Latihan VBSS



Latihan CPX di Maritime Operations Exercise Center (MOEC)



Majlis Perasmian Eksesais SEACAT 2022

EKSESAIS *INDO-PACIFIC ENDEAVOUR* 02/2022

Semasa Eksesais *IPE* 02/2022, pelbagai latihan di darat, laut dan udara telah dijalankan. Demonstrasi *Coastal Hook Landing* telah diadakan pada hari Rabu, 16 November 2022 untuk mempamerkan keupayaan amfibia dan membangunkan *interoperability* di antara kedua-dua Angkatan Tentera. Begitu juga dengan program *SMEE* yang diadakan adalah seperti Bengkel Keselamatan Maritim, Keamanan dan Keselamatan Wanita, Undang-undang, Interaksi Agama dan Pertukaran Maklumat Pesawat P-8A.




Demonstrasi *Coastal Hook Landing*

Kunjungan Hormat dari
Timbalan Pemerintah Udara Diraja Australia

Bengkel 'Maritime Security'

EKSESAIS BERSAMA BRUNESIA

Eksesais Bersama Brunisia yang pertama antara ABDB dan Tentera Nasional Indonesia (TNI) telah dirancang untuk dikendalikan pada tahun 2025 di Negara Brunei Darussalam. Semasa Mesyuarat Perancangan Awal eksesais tersebut, kedua-dua belah pihak menekankan komitmen untuk meningkatkan lagi hubungan pertahanan antara kedua-dua Angkatan Tentera ke arah menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau.





ایکسیسائیس قریسای کبغسان ۵/۲۰۲۰



EKSESAIS PERISAI KEBANGSAAN SIRI 05/2020

Penulis: 1118 Kaptern (U) Hajimah binti Mosah

Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama MAB ABDB juga terlibat dalam mengendalikan Eksesais Perisai Kebangsaan (EPK) Siri 5/2020 yang mana eksesais tersebut melibatkan agensi-agensi keselamatan di Negara Brunei Darussalam. Konsep latihan EPK siri 5/2020 ini dibahagikan kepada 2 fasa iaitu: Fasa *Table Top Exercise (TTX)* dan *Command Post Exercise (CPX)* yang telah dilaksanakan pada bulan November 2020 dan Februari 2021.

Eksesais berkenaan telah melibatkan 30 agensi kerajaan dan swasta, terdiri daripada peserta-peserta di peringkat strategik, operasi dan taktikal. Dengan pengendalian eksesais berkenaan, ianya telah berjaya menyediakan peluang latihan yang komprehensif bagi seluruh agensi-agensi yang berkepentingan dalam memperkemaskinikan dan mensinergikan semua prosedur operasi standard (SOP) masing-masing. Pada masa yang sama menguji-cuba tahap ancaman kebangsaan dengan tahap kesiapsiagaan diperingkat kebangsaan (*National Threat Level State of Alertness and Readiness*). Melalui EPK ini juga telah dapat menyatukan kerjasama agensi-agensi keselamatan dalam melaksanakan peranan masing-masing demi menjaga keselamatan dan keamanan negara yang dicintai.

TTX BAGI EKSESAIS PERISAI KEBANGSAAN SIRI 05/2020 DI DEWAN BANKUET, JABATAN PERDANA MENTERI PADA 10 NOVEMBER SEHINGGA 12 NOVEMBER 2020



Perlaksanaan TTX EPK 5/2020



Majlis Pebukaan TTX EPK 5/2020

CPX BAGI EKSESAIS PERISAI KEBANGSAAN SIRI 05/2020 DI PUSAT PENYELARASAN MARITIM KEBANGSAAN, JABATAN PERDANA MENTERI PADA 09 FEBRUARI SEHINGGA 11 FEBRUARI 2021



Pengendalian CPX bagi EPK 05/2020 bertempat di *Multi-National Coordination Centre (MNCC)*



Majlis Penutup CPX bagi EPK 05/2020

PENUBUHAN *AREA OF OPERATION TASK FORCE SECURITY COVID - 19*

Penulis: 1376 Leftenan Dk Nurul Hidayatul Aqilah binti Pg Ibrahim



Salah satu usaha ABDB dalam membantu kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membendung penularan wabak pandemik *COVID-19* di negara ini ialah dengan penubuhan *Task Force Security COVID-19*. Ianya berperanan untuk membantu Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang diatur gerak serta-merta dalam menguatkuasakan Pelan Sekuriti Kebangsaan bagi membendung penularan wabak *COVID-19* dan juga mencegah aktiviti rentas sempadan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia secara haram. Konsep operasi di semua *Area of Operations (AO) Task Force Security COVID-19* ialah **Menghalang, Mengesan & Tindak Balas** (*Deter, Detect & Response*).

Penubuhan pertama *AO* bagi *TFS COVID-19* bermula semasa gelombang pertama penularan wabak *COVID-19* di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020. Setakat ini, terdapat lima (05) *AO* dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang lain. *AO1* ditubuhkan pada tahun 2020 di kawasan Daerah Brunei dan Muara. Manakala, *AO2*, *AO3*, *AO4* dan *AO5* semuanya dilaksanakan pada tahun 2021 dan masing-masing berkedudukan di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Temburong, Daerah Belait dan Daerah Tutong. Terbaru *AO6* sedang giat direncanakan dan pelaksanaannya hasil usahasama bersama ABDB dan Polis Marin Pasukan Polis Diraja Brunei (POLMAR PPDB).

PENUBUHAN *RBAF TASK FORCE SUPPORT GROUP COVID-19*

Penulis: 1008 Leftenan Komander Muhammad Hakim bin Haji Basman, TLDB



Peranan utama *Task Force Support Group COVID-19* semasa Pandemik ialah membantu *National Coordination Centre for COVID-19 (N3C19)* dalam menyelaraskan penempatan pesakit-pesakit *COVID-19* dan mengkoordinasikan bantuan logistik bagi keperluan pusat kuarantin di seluruh negara. *RBAF TFSG COVID-19* juga terlibat dalam pengesanan kontak terdekat pesakit yang di uji positif *COVID-19* dan juga memainkan peranan penting dalam program bantuan vaksinasi kebangsaan. Alhamdulillah dengan pendekatan *Whole Of Nation*, *RBAF TFSG* berganding bahu bersama seluruh agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah berjaya menentukan sistem kesihatan negara berdiri kukuh dan telah dapat mengawal penularan wabak *COVID-19* dengan penuh berkesan.



PROGRAM JANGKAUAN (*OUTREACH PROGRAM*)

Penulis: 1052 Leftenan Nur Mahirah binti Hj Abas, TLDB



Bagi mendokong Wawasan Brunei 2035 dalam mengadaptasikan perspektif yang holistik dan mencakupi pendekatan senegara yang mantap iaitu 'Whole of Nation Approach', Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB, ABDB) selaku pengerusi bagi Jawatankuasa Rondaan Senegara (JRS) berserta ahli-ahli yang dilantik telah melaksanakan Program Jangkaan. Program ini merupakan salah satu inisiatif proaktif untuk meningkatkan penglibatan pemimpin akar umbi serta orang awam bagi mengukuhkan kepercayaan penduduk setempat terhadap agensi-agensi keselamatan melalui taklimat dan pertemuan bersama Pegawai-pegawai Daerah seluruh negara, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Negara Brunei Darussalam. Antara lain tujuan program ini adalah sebagai usaha untuk meningkatkan penglibatan orang awam dalam membanteras jenayah termasuk mendapatkan maklumat mengenai sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di kawasan masing-masing.



PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PENINGKATAN KAPASITI MELALUI LAWATAN KERJA KE AGENSI LUAR

Penulis: 1052 Leftenan Nur Mahirah binti Hj Abas, TLDB

Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) telah melaksanakan beberapa lawatan kerja ke agensi-agensi luar yang bertujuan bagi mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi bidang kerjasama disamping meningkatkan kapasiti dua hala dengan agensi-agensi terlibat. Selain daripada itu juga, lawatan sebegini dapat meluaskan lagi persefahaman bersama dan mengenal pasti bidang kepentingan bersama antara MAB dan agensi-agensi yang terlibat. Inisiatif ini secara amnya adalah mendokong Wawasan Brunei 2035 dalam mengadaptasikan perspektif yang holistik yang merangkumi pendekatan segera yang mantap iaitu *'Whole of Nation Approach'* dengan melibatkan kolaborasi dari pelbagai agensi mahupun sektor swasta dalam sama-sama menangani isu-isu keselamatan negara.



Jabatan Penerbangan Awam
(07 Sep 2022)



Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
(09 Feb 2023)



Cyber Security Brunei
(13 Apr 2023)



Biro Kawalan Narkotik
(14 Mac 2023)



Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan
(23 Ogos 2022)

TIM PEMANTAU ANTARABANGSA MINDANAO (TPA - M) REPUBLIK FILIPINA

Penulis: 1155 Kapten Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad

Penglibatan ABDB dalam misi Tim Pemantau Antarabangsa, Mindanao (TPA-M) telahpun dilaksanakan sejak Oktober 2004 di bawah naungan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Adapun peranan utama misi tersebut dilaksanakan adalah bagi memantau perjanjian gajatan senjata antara Kerajaan Republik Filipina dengan *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* dapat dijalankan dalam keadaan yang kondusif dan aman.

Tugas yang dipertanggungjawabkan bagi kontinjen TPA-M ini adalah untuk memantau, mengawasi, mengesahkan, menyiasat dan melaporkan penguatkuasaan bersama *Cessation of Hostilities* antara kerajaan Republik Filipina dengan *MILF*. Selain dari itu, tugas lainnya adalah membuat perjumpaan bersama *stakeholders*, membuat tinjauan dan melaksanakan tugas pengiring semasa lawatan ke kawasan operasi. Pada tahun 2022 genaplah sudah 18 tahun ABDB terlibat dalam pelaksanaan misi TPA-M.



Kepulangan TPA-M 18 ke Negara Brunei Darussalam



Majlis Perbarisan Tamat Misi TPA-M 17



Kunjungan Hormat kepada Task Force General Santos Commander



Rondaan ke Balai Polis 4, Cotabato City



Aktiviti CIMIC



INDEPENDENT DECOMMISSIONING BODY, VERIFICATION, MONITORING AND ASSISTANCE TEAM (IDB VMAT)



Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Kontinjen IDB VMAT 5



Perbarisan Bagi Pemergian Ahli IDB VMAT 4



Perjumpaan Bersama Third Monitoring Team



Lawatan ke stor penyimpanan senjata sementara sebelum decommissioning

Mekanisme *Independent Decommissioning Body (IDB)* dianggotai oleh negara antarabangsa iaitu Negara Brunei Darussalam, Kingdom of Norway dan Republic of Turkiye serta didokong bersama dengan anggota *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* dan *Government of the Philippines (GPH)* serta pekerja tempatan penduduk Filipina. Wakil dari Negara Jepun telah mula diserapkan pada tahun 2022 dan menjadi salah satu anggota bagi menangani perbelanjaan *IDB* dalam mekanisme *Peace Process*. Negara Brunei Darussalam telah menghantar 16 anggota semenjak penubuhan *IDB* bagi memastikan kesinambungan mekanisme ini berjalan dengan lancar. Penggantian anggota dilaksanakan setiap satu tahun untuk berada di Republik Filipina bagi melaksanakan tugas sebagai *Deputy Chief of Staff IDB* dan juga sebagai *Verification, Monitoring and Assistance Team (VMAT) Leaders* dalam melaksanakan misi tersebut.

Disamping melaksanakan tugas dalam proses *decommissioning* anggota serta senjata kepunyaan *MILF*, anggota *IDB* Negara Brunei Darussalam juga giat melaksanakan aktiviti kerohanian dan bersifat pemeduliaan bagi penduduk tempatan yang kurang berkeupayaan untuk meneruskan kehidupan di kepulauan ini. Beberapa aktiviti sumbangan walaupun sedikit yang mungkin bernilai bagi penduduk tempatan telah dapat dilaksanakan adalah seperti menghulurkan sedekah berupa makanan setiap hari Jumaat kepada rumah-rumah anak yatim, menjalankan ibadah korban, memberi bantuan barang makanan bagi kakitangan *IDB* yang terkesan dari taufan *Paeng* dan lain-lain lagi.

Penglibatan Kontinjen *IDB* Negara Brunei Darussalam di Mindanao merupakan satu sumbangan yang penting bukan sahaja kepada penduduk di Mindanao yang telah menghadapi konflik berdekad lamanya tetapi juga ianya melambangkan komitmen kerajaan Negara Brunei Darussalam kepada kestabilan serantau Asia Tenggara yang turut menghadapi isu-isu geopolitik yang lain. Misi ini juga akan menaiktarafkaan imej, kredibiliti serta diplomasi pertahanan negara di mata dunia.

Penulis: 526 Leftenan Kolonel Hairin bin Japar



KONTINJEN ABDB MALBATT 850-9



Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinjen ABDB MALBATT 850-9



Majlis Pemakaian Beret PBB dan Penghantaran Kumpulan Pertama MALBATT 850-9

UNIFIL adalah akronim dari *United Nations Interim Force in Lebanon* yang merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tarikh 19 Mac 1978, mengikut Resolusi Dewan Keamanan PBB No. 425 dan No. 426, iaitu untuk mengembalikan kedamaian dan keamanan antarabangsa, dan membantu kerajaan Lubnan untuk kembali menguasai kawasan mereka.

Penghormatan yang tinggi serta tanggungjawab amat besar yang dipikul oleh seramai 30 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mengikuti penugasan misi pengaman ke Lubnan dalam Batalion Malaysia 850-9 (*MALBATT 850-9*) di bawah Pasukan Interim PBB (*UNIFIL*) di Lubnan.

ABDB telah menyertai misi pengaman *UNIFIL* sejak 2008 untuk menyelaraskan dan mempertahankan kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan tiga tunggak utama PBB iaitu Keamanan dan Keselamatan, Hak Asasi Manusia dan Pembangunan.



Lawatan KS AB semasa latihan Force Integration Training (FIT)



Sesi Penilaian daripada Jurulatih Pusat Pengaman Malaysia

Bagi meningkatkan kecekapan, pengetahuan serta profesionalisme anggota Kontinjen ABDB, pihak Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Markas Angkatan Bersama Malaysia telah melaksanakan *Pre-Deployment Training* buat pertama kalinya di Institut Latihan, Penanjong Garison bermula 29 Jun 2021 hingga 5 Ogos 2021. Latihan ini juga turut dibantu dan dinilai daripada Pegawai Pusat Pengaman Malaysia bagi memastikan seluruh anggota lulus dan bersedia untuk mengikuti penugasan misi di Lubnan.



Ujian Tahunan Menembak di Padang Tembak Naquora, Lubnan

Penulis: 1113 Kaptan Muhammad Farid bin Muhammad Raffi

Selain daripada melaksanakan operasi harian, Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga membuat sumbangan iaitu program *Civil Military Cooperation (CIMIC)* melalui *Troop Contributing Countries* ke beberapa sekolah yang berada di kawasan tanggungjawab MALBATT. Melalui program *CIMIC* yang dilakukan ini ianya dapat meningkatkan lagi ikatan silaturrahim bersama masyarakat dan pembangunan masyarakat Lubnan.

MALBATT 850-9 dibawah perintah Markas Sektor Barat dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi di Kawasan tanggung jawab yang mana pengoperasian tersebut meliputi Seksyen Ronda Berkenderaan, Seksyen Ronda Berjalan Kaki, Pengiring, Pos Pemerhati Tetap, Pos Pemerhati Sementara. MALBATT juga melaksanakan operasi bersama *Lebanese Armed Forces* seperti Operasi Tindak Balas Terhadap Pelancar Rocket, *Market Walk* dan *Wildfire Vehicle Patrol*.

Kontinjen ABDB juga berpeluang untuk menyertai perbarisan acara rasmi yang bertempat di Markas UNIFIL, Naqura seperti *International Peacekeeper day*, *UNIFIL Establishment Day*, *Transfer of Authority Force Commander* dan *International Day of Peace*. Acara ini juga adalah salah satu *platform* untuk negara-negara lain mengenali lebih dekat mengenai Negara Brunei Darussalam.




Menghadiri Upacara *International Day of Peace* di Markas UNIFIL, Naqura



Sambutan *United Nation Day*



Aktiviti Operasi Harian di Kawasan Tanggungjawab MALBATT



SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN MARKAS ANGKATAN BERSAMA, ABDB KE-15

Penulis: 1454 Leftenan Dk Noor Amal Hazirah binti Pg Harun

Pembuka tirai acara sambutan Hari Ulang Tahun Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) yang ke-15 dimulakan dengan Majlis Doa Kesyukuran, yang diadakan pada 13 Februari 2023 bertempat di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison. Pemerintah AB ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin hadir selaku tetamu kehormat dan disertai oleh Pegawai-pegawai serta warga Lain-lain Peringkat MAB ABDB. Majlis dimulakan dengan menunaikan solat Fardhu Maghrib berjemaah, diikuti dengan solat Sunat Hajat, bacaan Surah Yasin dan Tahlil, Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan Solat Fardhu Isyak berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

Keesokan harinya, Selasa 14 Februari 2023, Upacara Perbarisan diadakan bertempat di hadapan Blok Menara, Kementerian Pertahanan. Sejurus ketibaan, Pemerintah AB ABDB menerima tabik hormat daripada Mejar (U) Pg Abdul Hafiz bin Pg Sazali selaku Ketua Perbarisan dan diikuti dengan pemeriksaan perbarisan. Pemerintah AB ABDB seterusnya menyampaikan perutusan sebelum mengakhiri perbarisan dan upacara diteruskan di Dewan Gerak Badan, Bolkiah Garison bagi sesi jamuan.

Berikutan sambutan HUT MAB ABDB kali ke-15 ini, buat julung-julung kalinya telah diadakan Majlis Makan Malam Beradat pada hari Sabtu, 04 Februari 2023 bertempat di Mes Pegawai Berakas Garison. Antara pengisian majlis ialah ucapan daripada tetamu kehormat yang mengimbas kembali sejarah perjalanan dan pencapaian MAB ABDB sejak penubuhannya pada tahun 2007. Beliau menekankan kepada semua Pegawai- pegawai MAB ABDB supaya lebih cekap dan fleksibel dalam menyesuaikan diri demi menghadapi cabaran masa akan datang. Para Pegawai juga disarankan untuk sentiasa mengambil peluang untuk sentiasa membina kemahiran individual dan *capacity-building* agar siap siaga menghadapi cabaran setiap masa.

Pemerintah AB ABDB juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Pegawai-pegawai yang pernah berkhidmat di MAB ABDB di atas sumbangan dan dedikasi yang telah dicurahkan.



Majlis Doa Kesyukuran





Upacara Perbarisan sempena menyambut HUT MAB ke-15



Majlis Makan Malam Beradat



SESI BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II SECARA MAYA

Penulis: 751 Mejar Haji Nafisal @ Dedy bin Haji Salim

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah berkesempatan untuk hadir bagi persidangan secara maya bersama anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berada di luar negara. Sesi tersebut merupakan aktiviti tahunan dibulan Ramadhan yang diumumkan oleh Markas Angkatan Bersama bagi menyampaikan nasihat, perkongsian maklumat serta ucapan sempena menjelangnya Sambutan Hari Raya Aidilfitri kepada Pegawai-Pegawai dan anggota-anggota ABDB yang bertugas di luar negara.



Pemerintah AB membuat joy ride menaiki Condor Radpanzer



Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bersama Warga MALBATT

Lawatan Kerja Pem AB ABDB ke MALBATT 850-9 UNIFIL, Kem Mara'kah, Lubnan telah diadakan pada Hari Jumaat, 29 Apr 2022 hingga Hari Rabu 04 Mei 2022. Lawatan kerja berkenaan adalah hasil daripada jemputan Kementerian Pertahanan Malaysia untuk wakil Negara Brunei Darussalam menyertai Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz ke Kem Mara'kah, Lubnan. Adapun tujuan lawatan kerja berkenaan adalah bagi melihat kesiapsiagaan anggota dan aset MALBATT 850-9 di Kem Mara'kah, Lubnan serta meninjau kebajikan anggota sepanjang misi pengaman UNIFIL dilaksanakan. Lawatan kerja ini juga telah sedikit sebanyak memberikan pandangan yang luas kepada Markas Angkatan Bersama (MAB ABDB) tentang pengendalian MALBATT 850-9 dan pada masa yang sama ianya dapat meningkatkan Diplomasi Pertahanan diantara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam serta dapat mengukuhkan lagi jalinan silaturahim dan kerjasama dua hala antara ABDB dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia.

Penulis: 1155 Kapten Abd Kadir Jalani bin Haji Ahmad

LAWATAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA KE MALBATT 850-9 UNIFIL

LAWATAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA KE LUAR NEGARA

Penulis: 1052 Leftenan Nur Mahirah binti Hj Abas, TLDB



Lawatan Pem AB ke *Cyber Defence test and Evaluation Centre* bertempat di Changi Naval Base, Tanah Merah Coast Rd, Republik Singapura



Pem AB menghadiri *Special Operation Forces Exhibition and Conference (SOFEX) Edisi Ke-13* dari 31 Oktober hingga 03 November 2022 di Aqaba, Jordan



Upacara Pembubaran MALBATT 850-09 pada 05 Disember 2022 di Padang Kawad, Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kem Segenting, Port Dickson, Negeri Sembilan



Mesuarat JOESC ke-8 di Jakarta, Republik Indonesia

Dalam mendokong usaha meningkatkan diplomasi pertahanan dan bidang kerjasama pertahanan luar negara serta memperkukuhkan dan menstabilkan lagi hubungan yang sedia terjalin bersama rakan serantau mahupun antarabangsa, sepertimana yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021 (*DWP 2021*) lawatan Pemerintah Angkatan Bersama telah mempamerkan komitmen yang jitu dalam mempromosikan usaha ini melalui pelbagai *platform*. Pada lazimnya, perbincangan yang dibuat adalah merangkumi dari perkongsian atau bertukar pendapat, bidang operasi dan latihan, dan meneroka peluang yang ada bagi peningkatan hubungan yang baik bersama negara yang terlibat.



Kunjungan Hormat daripada Commander *Indo-Pacific Endeavour* 2022 Commodore Mal Wise Am, *Royal Australian Navy (RAN)*



Kunjungan Pengenalan daripada Atase Pertahanan Republik Rakyat China Ke Negara Brunei Darussalam, Senior Kolonel Dai Qilin



Kunjungan Hormat daripada Pengarah Perisikan Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Brigedier Jeneral Lee Yi-jin




Kunjungan Pengenalan daripada Atase Pertahanan Amerika Syarikat Ke Negara Brunei Darussalam, Kolonel Russ Corwin

DIPLOMASI PERTAHANAN

Penulis: 1142 Kapten Md Ihya'uddin bin Haji Ishak

Diplomasi Pertahanan adalah antara strategi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi mengukuhkan kerjasama dengan negara serantau serta global bagi memelihara kepentingan dan tahap keselamatan nasional. MAB ABDB juga aktif dalam memperkukuhkan hubungan dua hala seperti mengadakan kunjungan hormat bersama *Chief Office Of Defence Cooperation* Amerika Syarikat, *Chief of Joint Operation (CJOPS) Australian Defence Force (ADF)*, *Commander Indo-Pacific Endeavour*, Pengarah Perisikan Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Atase-Atase Pertahanan ke Negara Brunei Darussalam dan yang tidak menetap di Negara Brunei Darussalam. Kunjungan-kunjungan hormat ini adalah penting bagi tujuan bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman serta membincangkan kerjasama yang boleh diwujudkan. Perjumpaan ini mengesahkan wujudnya hubungan kukuh yang terjalin dengan Angkatan Sahabat yang akan terus dipupuk melalui penglibatan dalam pelbagai bidang.



Lawatan Kerja daripada *Chief Of Joint Operation (CJOPS), Australian Defence Force (ADF)* Ke Negara Brunei Darussalam, Leftenan Jeneral Greg Bilton



Kunjungan Hormat daripada Atase Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Korea Ke Negara Brunei Darussalam, Kolonel Seongkyun Lee



Kunjungan Hormat Daripada Atase Pertahanan Perancis Ke Negara Brunei Darussalam Kepten Riaz Akhoune (*Navy*)



Kunjungan Pengenalan daripada Atase Pertahanan Republik Demokratik Rakyat Lao yang tidak menetap di Negara Brunei Darussalam, Kolonel Thongyanh Sengvongchith

SEMINAR, SIMPOSIUM DAN BENGKEL

Penulis: 1147 Leftenan Ahmad Nafees bin Haji Kamsani, TLDB

Pandemik *COVID-19* yang melanda negara sejak 2019 telah menyebabkan penglibatan dan interaksi ketenteraan ABDB bersama angkatan sahabat terhad kepada perhubungan secara maya sahaja. Walaubagaimanapun sejak akhir tahun 2022, MAB ABDB telah mula menghantar Pegawai-pegawai yang bersesuaian untuk menghadiri pelbagai seminar dan simposium pertahanan dan ketenteraan luar negara.

Di peringkat *ASEAN*, ada beberapa simposium dan seminar yang melibatkan MAB ABDB seperti 5th *ASEAN Defence Ministers Meeting Plus Experts Working Group on Humanitarian Assistance and Disaster Relief (ADMM Plus EWG-HADR)* di Tokyo, Japan, *The Seminar On the Role of ASEAN Defence Establishment In Supporting Border Management* di Yogyakarta, Thailand dan the 17th *ASEAN Defence Ministers Meeting Plus Experts Working Group on Maritime Security* di Hawaii, Amerika Syarikat. Simposium dan seminar ini bertujuan untuk membangunkan rangkaian profesional tambahan di kalangan anggota tentera *ASEAN* dengan situasi dan operasi semasa. Di samping itu juga, ianya juga menekankan kerjasama di antara negara-negara *ASEAN* dalam menangani cabaran-cabaran dari masa ke semasa.

Dari segi aspek pembangunan kapasiti pula, MAB ABDB juga menyertai simposium 15th *Senior Workshop on International Rules Governing Military Operations* di Bali, Indonesia dan Bengkel *Preventive Maintenance System* bagi Sistem *ASEAN Defence Ministers Meeting Direct Communication Infrastructure (ADI)*, Fasa 1 di Republik Singapura. Selain memberi peningkatan ilmu dan pengetahuan penggunaan sistem komunikasi ADI, diharap ianya dapat memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa (*International Humanitarian Law* atau *Law of Armed Conflict*) dikuatkuasakan di peringkat ABDB.

Melalui pelbagai aktiviti interaksi ini menunjukkan komitmen MAB khususnya dan ABDB amnya dalam mengukuhkan hubungan diplomatik bersama rakan sejawat asing terutama sekali di rantau *ASEAN*. Setentunya pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi dalam mengukuhkan kekuatan pertahanan dan sekuriti Negara Brunei Darussalam.



Mesyuarat Persidangan Akhir bagi *FTX ADMM Plus EWG on Peacekeeping* pada 01-03 Mac 2023 di Ha Noi, Vietnam



15th Senior Workshop on International Rules Governing Military Operations (*SWIRMO*)



17th *ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus Experts' Working Group on Maritime Security (ADMM-Plus EWG MS)* pada 22-25 Ogos 2022 di Daniel K. Inouye Asia-Pacific Center for Security Studies, Hawaii, Amerika Syarikat



Mesyuarat *FACSMB* di Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2023



Workshop on Enhancing Cooperation Amongst Defence Forces of ASEAN Member State (*AMS*) in Cross-Border Pandemic Containment pada 27-28 Mac 2023 di Siam Reap, Thailand



Seminar on the Role of ASEAN Defence Establishments in Supporting Border Management pada 29-31 Ogos 2022 di Chonburi, Thailand



HARI PENGAJIAN ABDB 2022

Penulis: 1377 Leftenan Nurhamizah Qasrina binti Hj Osman

Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) telah mengadakan Hari Pengajian ABDB Akademi Pertahanan, Tanah Jambu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) pada 21 September 2022. Turut hadir adalah Yang Berhormat Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir, Timbalan Menteri Pertahanan II.

Tajuk sesi adalah “*The RBAF COVID-19 Task Force Experience: Working Together Protecting the Nation Against Global Pandemic*”. Para pembentang mengkongsi pengalaman dan pengajaran yang diperolehi semasa membantu Kementerian Kesihatan dan Agensi-agensi lain dalam menangani wabak *COVID-19* sejak penularan pertama. Para-para pembentang ini diwakili daripada unit-unit ABDB yang diketuai oleh Kolonel (U) Hismawadi bin Mohd Said dan ahli-ahli pembentang terdiri daripada Leftenan Kolonel (U) Pengiran Irwandi bin Pengiran Hj Chuchu, Leftenan Kolonel Pengiran Hj Saiful Amirul Bakri bin Pengiran Hj Ramlee, Komander Pengiran Mohammad Faren bin Pengiran Mohammad Noor, TLDB, Mejar Masmun bin Hj Kassim dan Mejar Dr Siti Nurraheemah binti Pehin Dato Maharajalela Dato Seri Laila Jasa Hj Musa.



Sesi pembentangan



Sesi soal jawab

Sesi dimulakan dengan mengongsi pengalaman ABDB dalam penubuhan *COVID-19 Task Force* yang dipertanggungjawabkan bagi menyelaras dan mengawal beberapa pusat pengasingan di sekitar Negara Brunei Darussalam, serta menyediakan bantuan tenaga kerja dan kepakaran kepada Kementerian Kesihatan secara amnya.

Turut dibincangkan bagaimana ABDB bersama-sama agensi-agensi kerajaan dan sukarelawan, bekerjasama melalui *Whole-of-Nation Approach* dalam menangani penularan wabak *COVID-19*. Sesi diakhiri dengan perbincangan mengenai pengajaran utama yang dipelajari di sepanjang usaha tersebut dan langkah seterusnya bagi semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menguruskan ancaman tersebut.



LAWATAN PESERTA KURSUS MAKTAB TURUS ABDB

Penulis: 1142 Kapten Md Ihya'uddin bin Haji Ishak



'Kursus Maktab Turus merupakan titik perubahan dalam kerjaya profesional dan peribadi ketenteraan yang akan membantu menyediakan kaedah untuk memupuk dan mengasah lagi kemahiran komunikasi, membuat keputusan analitikal, intelek yang berkesan serta pemerintahan mereka'

(Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, PEM ABDB, 2023).

MAB ABDB telah menerima lawatan sambil belajar dari peserta Kursus Maktab Turus ABDB 13/2022 pada 23 Mac 2022 dan peserta Kursus Maktab Turus ABDB 14/2023 21 Mac 2023. Taklimat telah disampaikan kepada peserta-peserta kursus dengan pendedahan gambaran keseluruhan tentang Operasi Pelbagai Agensi termasuk perbincangan bagi meningkatkan lagi pengetahuan peserta-peserta. Adapun tujuan lawatan ini dilaksanakan bagi memperluaskan perspektif dan pengetahuan profesional secara taktikal dan akademik serta disiplin bagi mengkaji persekitaran strategik semasa dan kesannya sebagai pakar dalam bidang pertahanan dan keselamatan.



HARI BELAJAR PEGAWAI-PEGAWAI MAB ABDB

Penulis: 824 Mejar Ahmad Bohare bin Haji Mansor



Tajuk: 'Leadership'

Tajuk: 'Prinsip Panduan Pemerintah ABDB'

Tajuk: 'Cuban missile Crisis' dan 'Seuz Canal Crisis'

Tajuk: 'Regional Tension-The Korean Peninsula' dan 'The invasion of Iraq-20 Years On'

Menuntut ilmu adalah perkara yang wajib bagi semua anggota-anggota tentera di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Ini adalah penting disebabkan persekitaran kontemporari abad ke-21 yang sentiasa berubah dan dalam keadaan turun naik, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran. Dalam hal ini, salah satu inisiatif Markas Angkatan Bersama (MAB) adalah pengendalian Hari Belajar (*Study Day*) bagi pegawai-pegawai MAB dalam pelbagai isu-isu semasa

berkaitan dengan sekuriti dan keselamatan yang terjadi di rantau Asia Tenggara dan juga Antarabangsa. Bermula dari bulan Jun 2022, sesi-sesi hari belajar lazimnya dibahagikan kepada dua ke tiga sindiket diketuai oleh dua Pegawai Turus yang terpilih. Antara tajuk-tajuk yang telah dibentangkan dan dibahaskan termasuk kepimpinan tentera, sejarah peperangan, isu-isu *transnational*, krisis dan konflik terkini. Dengan adanya program Hari Belajar ini, anggota terutama

sekali Pegawai-pegawai muda boleh meningkatkan ilmu pengetahuan, menambah pengalaman dan juga kesedaran persekitaran (*situational awareness*). Diharap bagi pegawai-pegawai yang terlibat akan dapat mengambil kesempatan semasa *platform* seperti ini untuk mengaitkan teori dengan situasi dan operasi sebenar, agar ilmu sedemikian dapat meningkatkan dan memberi kematangan kepada setiap individu.

PUSAT DOKTRIN DAN PEPERANGAN BERSAMA (PDPB)


Penulis: 1118 Kapten (U) Hajimah binti Mosah

PENUBUHAN PDPB

Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama (PDPB) ataupun *Joint Doctrine and Warfare Centre* secara rasminya ditubuhkan pada 01 Jun 2013 bersempena sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 52 Tahun di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

PDPB berperanan dan bertanggungjawab sebagai sebuah Pusat dalam memanfaatkan sinergi semula jadi antara pengeluaran doktrin di tahap operasi dan latihan Angkatan Bersama untuk memastikan keupayaan bersama ini ditingkatkan dan dikembangkan.

PENCAPAIAN PUSAT DOKTRIN DAN PEPERANGAN BERSAMA (PDPB) SEHINGGA KINI



Sejak penubuhannya pada tahun 2013, Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama telah menerbitkan sebanyak lapan (08) buah buku Doktrin iaitu *Brunei Military Doctrine (BJDP-D)*, *Future Land Operating Concept, Brunei Joint Operations (BJDP-3.40)*, *Air Operational Power (BJDP-05)*, *Joint Intelligence (BJDP-2.00)*, *Joint Operations Execution (BJDP-3.00)*, *Joint Logistics (BJDP-4.00)* dan *Joint Operational Planning (BJDP-5.00)* yang bertujuan untuk mengembangkan lagi doktrin Bersama dalam pelaksanaan operasi dan latihan secara gabungan bagi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan agensi-agensi keselamatan di Negara Brunei Darussalam. Buku Doktrin ini juga dapat diakses melalui *online intranet portal* Kementerian Pertahanan.

Antara lain pencapaian yang dibuat oleh Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama ialah mengendalikan beberapa Program, Bengkel, Kursus dan juga Eksekais Bersama dalam mencapai visi dan misi pusat ini seperti bengkel *Operational Military Appreciation Process (OMAP)*, kursus *Joint Operations Planning (JOPC)* dan juga Eksekais Hikmat Bersatu VI/2021.

KURSUS PERANCANGAN OPERASI BERSAMA (JOPC)

Penulis: 1008 Leftenan Komander Muhammad Hakim, TLDB

Kursus Perancangan Operasi Bersama (*Joint Operations Planning Course*) adalah salah satu kursus yang baru diperkenalkan oleh Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama (PDPB). *JOPC* dijalankan selama enam minggu dan ianya menekankan kepentingan meningkatkan kemahiran individu dalam perancangan operasi bersama unit angkatan tentera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Sepanjang kursus, peserta akan dididik untuk menggunakan semua kemahiran pengetahuan dan pengalaman yang ada pada diri sendiri dengan efektif dengan harapan ianya dapat diguna pakai apabila berhadapan situasi sebenar. Kursus ini menggunakan Alat Perancang Operasi (*Operational Military Appreciation Process*) dan para peserta akan diuji dengan kemahiran aplikasi alat tersebut dalam memantapkan sebarang perancangan Operasi mahupun Eksekais ABDB. Setakat ini, sebanyak 2 sesi *JOPC* telah dilaksanakan yang mana Sesi 1/2022 dijalankan pada 30 Oktober 2022 sehingga 09 Disember 2022, manakala sesi 2/2023 pada 06 Februari 2023 sehingga 17 Mac 2023.



Peserta-peserta kursus menerima lawatan daripada Pem AB dan Ket PDPB



Sesi Perbincangan

Majlis Penutupan Kursus *JOPC* ke-2

UNIT PERTAHANAN SIBER, MAB ABDB

Penulis: 956 Kapten (U) Zulkahiril bin Mohd Daud

“Beta ingin mengingatkan supaya ABDB sentiasa sensitif dan responsif terhadap perkembangan semasa. Pada masa ini, dunia banyak menerima manfaat dari teknologi siber. Namun jangan lupa, bahawa ia juga boleh jadi ancaman kepada keselamatan manakala berlakunya serangan yang dinamakan serangan siber. Oleh itu Beta berharap, penubuhan Cyber Defence Unit akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan menangani ancaman dan sekali gus memperkukuhkan pertahanan siber”

(Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan ABDB yang Ke 60, Isnin 19 Syawal 1442 / 31 Mei 2021)

PENUBUHAN, VISI DAN MISI



Unit Pertahanan Siber (UPS) ataupun *Cyber Defence Unit* secara rasminya ditubuhkan pada 31 Mei 2021 bersempena sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 60 di Pandang Sir Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan

Unit ini terdiri daripada anggota-anggota ABDB yang mempunyai kepakaran dalam perbagai bidang keselamatan siber, seperti *threat analysis, vulnerability assessment, network security* dan juga *incident response*.

Semua ini melibatkan pelbagai aktiviti termasuk memantau aktiviti rangkaian, mengenalpasti ancaman, menganalisa data dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan bagi mengurangkan atau mencegah sebarang ancaman siber pada Kementerian Pertahanan dan ABDB.

AKTIVITI DAN LATIHAN

Sejak penubuhannya anggota-anggota UPS telah mengikuti dan membuat beberapa aktiviti dan kursus untuk meningkatkan serta mengembangkan lagi kebolehan dan pengetahuan untuk mencegah dan mengurangkan sebarang ancaman siber.

Diantaranya adalah mengikuti pertandingan *Capture the Flag* yang telah dianjurkan oleh *Cyber Security Brunei* dan latihan bersama dengan anggota tentera dari negara-negara ahli *ADMM Plus*. Konsep

pertandingan ini adalah ianya merupakan pertandingan *Computer Hacking* yang mana pasukan-pasukan menyelesaikan setiap cabaran untuk mendedahkan ‘flag’ untuk mendapatkan markah dan markah tertinggi akan memenangi pertandingan tersebut.

Disamping itu anggota-anggota UPS telah menghadiri kursus *SANS (SysAdmin, Audit, Network and Security)* secara maya bersama dengan *Australian Cyber Security*.

HALATUJU

Unit Pertahanan Siber pada masa ini giat untuk menambah kapabiliti dan kapasiti UPS serta meningkatkan kepakaran anggota-anggotanya bagi mencapai visi dan misi dalam mencegah dan mengurangkan ancaman siber kepada Kementerian Pertahanan dan juga ABDB.

SERAH TERIMA BANGUNAN *MULTINATIONAL COORDINATION CENTRE (MNCC)*, MUARA DI ANTARA JABATAN PERDANA MENTERI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Penulis: 1376 Leftenan Dk Nurul Hidayatul Aqilah binti Pg Ibrahim



Majlis Penyerahan bangunan *Multinational Coordination Centre (MNCC)* kepada Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada hari Khamis, 05 Januari 2023. Hadir sebagai wakil dari Kementerian Pertahanan ialah Yang Mulia Kolonel (B) Norsuriati binti Haji Sharbini, Setiausaha Tetap (Dasar, Kewangan dan Pentadbiran). Manakala dari Jabatan Perdana Menteri ialah Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam). Sebelum ini bangunan tersebut adalah di bawah tanggung jawab Kementerian Pertahanan sejak 20hb Jun 2013.

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA

Penulis: 1454 Leftenan Dk Noor
Amal Hazirah binti Pg Harun

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kolonel (U) Haji Alirupendi bin Haji Perudin telah dinaikkan pangkat ke Brigedier Jeneral pada hari Jumaat, 25 Februari 2023. Majlis kenaikan pangkat telah berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison. Sejurus itu pada hari yang sama, Majlis Serah Terima Tugas antara Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir, Mantan Pemerintah Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) bersama Pemerintah AB ABDB yang baru, Brigedier Jeneral (U) Haji Alirupendi bin Haji Perudin bertempat di Dewan Konsert Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB, Bolkiah Garison. Majlis dijalankan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengelakkan penularan *COVID-19*. Schubungan dengan itu, pada 15 Julai 2022, beliau telah dianugerahkan Darjah Pahlawan Negara Brunei Darussalam Yang Amat Perkasa yang membawa gelaran Dato Seri Pahlawan. Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin merupakan Pemerintah AB ABDB yang ke-7. Sebelum ini beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei selama 1 tahun 2 bulan. Selain itu, Yang Mulia Dato Seri Pahlawan juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Keanggotaan di Jabatanarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan selama 4 tahun.



SESI MUZAKARAH PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA

Penulis: 1214 Kapten Lydiana @ Ladyana binti Mohd Morshidi

Sesi muzakarah Yang Mulia Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah AB ABDB, bersama berbagai peringkat anggota AB telah diadakan di Bilik Kuliah Tingkat 1, Blok Menara, Kementerian Pertahanan. Sesi pertama Muzakarah Pemerintah AB ABDB bersama anggota PTB Kanan telah diadakan pada Hari Khamis, 13 April 2023. Manakala, bagi sesi muzakarah kedua bersama PTB Rendah telah diadakan pada Hari Khamis, 20 April 2023. Akhir sekali, sesi muzakarah bersama Pegawai-pegawai telah diadakan pada Hari Isnin, 8 Mei 2023.

Hasrat Pemerintah AB ABDB melalui permuzakarah ini akan dapat membuka ruang dan pendekatan kepada Pegawai-pegawai dan anggota-anggota untuk berkongsi pendapat, isu dan pandangan dalam suasana silaturahim secara terbuka.



Sesi Muzakarah bersama Pegawai-pegawai MAB



Sesi Muzakarah bersama PTB Kanan



Sesi Muzakarah bersama PTB Rendah

Antara intipati sesi tersebut, Pemerintah AB ABDB menekankan agenda yang sama tentang kepentingan tanggungjawab dan disiplin bukan sahaja sebagai seorang anggota ABDB tetapi sebagai anggota yang telah diberikan kepercayaan untuk membimbing serta menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Selain dari itu, Pemerintah AB ABDB juga menekankan beberapa aspek utama dalam penjagaan disiplin sebagai seorang anggota berpakaian seragam.

Di akhir sesi, Pemerintah AB ABDB membukakan peluang sesi soal jawab dan mengemukakan apa juga pandangan dan hal-hal lain yang berbangkit. Dengan adanya sesi muzakarah ini Pemerintah AB ABDB berharap agar Pegawai-pegawai dan anggota-anggota MAB ABDB dapat menanamkan sifat ikhlas, jujur dan amanah serta mengekalkan disiplin yang baik agar dapat menjadi contoh kepada anggota-anggota yang lainnya, lebih-lebih lagi sebagai salah satu unit yang menggabungkan kesemua unit Angkatan Tentera.

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS BAGI SARJAN MEJAR ANGKATAN BERSAMA, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Penulis: 12900 Pegawai Waran 1 Mohd Iswadi bin Kamis

Pegawai Waran 1 Sahrol bin Omar mengambil alih tugas sebagai Sarjan Mejar AB daripada Pegawai Waran 1 Charles bin Tangkai pada hari Jumaat, 13 Januari 2023. Majlis Serah Terima Tugas tersebut telah diadakan di Dewan Konsert Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB. Sebelum memegang jawatan Sarjan Mejar AB ABDB, Pegawai Waran 1 Sahrol bin Omar bertugas sebagai Sarjan Mejar Rejimen Institut Latihan ABDB selama tiga tahun bermula dari tahun 2019 hingga Jan 2023. Beliau merupakan Sarjan Mejar AB ABDB yang ke-3.



MERAIKAN ANGGOTA-ANGGOTA BERSARA DAN BERTUKAR DARI MARKAS ANGKATAN BERSAMA, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Penulis: 1454 Leftenan Dk Noor Amal Hazirah binti Pg Harun



(Pemerintah AB menyampaikan cenderahati kepada mantan SM AB dan mantan Ketua Kerani AB)

Sebagai penghargaan ke atas khidmat jasa anggota PTB-PTB Kanan MAB ABDB yang telah bertukar unit dan bersara, Majlis Makan Malam dan Minum Petang diadakan bersama Pemerintah AB ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Hj Perudin dan disertai oleh DATO SERI PAHLAWAN HAJI ALIRUPENDI BIN HAJI PERUDIN Pegawai-pegawai Kanan MAB ABDB.

PERKONGSIAN KEPIMPINAN

“Kepimpinan adalah salah satu ikutan atau pembawaan yang mencerminkan individu perseorangan. Sebagai pemimpin pertengahan adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Sarjan Mejar Angkatan Bersama (SM AB) untuk membawai contoh kepada anggota-anggota bawahan ataupun memimpin anggota-anggota bawahan dengan adil dan juga menjaga kebajikan anggota-anggota bawahan.

Dari segi perspektif Islam sendiri, kepimpinan itu mesti ada keikhlasan dan keadilan. Bagi pendapat saya sendiri adalah menjadi tugas dan tanggungjawab untuk memimpin

dan membawai anggota-anggota bawahan berlandaskan peraturan yang ditetapkan yang ada di dalam ABDB amnya.

Sebagai seorang tentera yang memegang jawatan SM AB, adalah menjadi kewajiban saya untuk menjalankan tanggungjawab dengan teliti dan rajin pada setiap masa disamping menguatkuasakan serta memelihara tatatertib tentera yang dibawah kepimpinan saya. Selain daripada itu juga, saya juga sentiasa memastikan penugasan tentera dibawah saya diselaraskan dan dijalankan dengan teratur. Dengan itu juga, adalah kewajiban saya sebagai SM AB untuk menjadi penghubung

diantara pihak atas kepada anggota tentera bawahan agar sentiasa mengutamakan *Chain of Command* dalam melaksanakan tugas harian.

Sehubungan dengan itu, tanggungjawab-tanggungjawab yang saya laksanakan tersebut adalah untuk mencapai matlamat organisasi secara efektif dan efisien.”

Penulis:
12634 Pegawai
Waran 1 Sahrol
bin Omar



MAJLIS KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI-PEGAWAI, PEGAWAI TIDAK BERTAULIAH KANAN DAN PEGAWAI TIDAK BERTAULIAH RENDAH MARKAS ANGKATAN BERSAMA, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



Majlis Kenaikan Pangkat Pegawai-pegawai Kanan MAB yang diadakan di Mes Pegawai, Bolkiah Garison pada 02 September 2022

Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) juga tidak ketinggalan mengadakan beberapa majlis kenaikan pangkat bagi meraikan Pegawai-pegawai, PTB-PTB Kanan dan Rendah MAB ABDB yang telah menerima kenaikan pangkat. Selain menjaga kebajikan anggota, majlis seumpama ini diharap akan menjadi penyuntik semangat dan moral anggota untuk meningkatkan lagi prestasi kerja.

Seramai 5 Pegawai MAB ABDB menerima kenaikan pangkat ke Pegawai Kanan/Pegawai Kanan Tetap dan 45 PTB Kanan/Rendah telah diraikan sepanjang tahun 2022 hingga Februari 2023.

Penyampaian pangkat kepada Pegawai-pegawai Kanan MAB ABDB berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison dan disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan. Manakala penyampaian pangkat PTB Kanan dan Rendah MAB ABDB telah disampaikan oleh Mantan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir dan juga Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah Angkatan Bersama ABDB.



Majlis Kenaikan Pangkat PTB-PTB Kanan MAB diadakan di Dewan Mes Pegawai Waran, Staf Sarjan dan Sarjan, Bolkiah Garison pada 03 Februari 2023



Majlis Kenaikan Pangkat PTB-PTB Kanan dan Rendah MAB yang diadakan di Dewan Wira Seni, Bangunan Pencaragam ABDB, Bolkiah Garison pada 21 Januari 2022



Majlis Kenaikan Pangkat PTB-PTB Rendah MAB diadakan di Dewan Makan Berek Bujang, Bolkiah Garison pada 3 Februari 2023

ACARA-ACARA KEBAJIKAN, KEAGAMAAN DAN IHYA RAMADHAN

Penulis: 1155 Kapten Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad

MAJLIS PENYERAHAN HAMPER HARI RAYA

Bersempena Ramadan 1443/2022, MAB ABDB telah berkesempatan menyerahkan hamper Hari Raya kepada ahli-ahli keluarga anggota MAB ABDB yang mengikuti misi IDB VMAT ke-4 dan IMT-18 di Mindanao, Republik Filipina. Penyerahan tersebut telah diadakan pada hari Sabtu, 30 April 2022 dan hari Ahad, 01 Mei 2022 bertempat di kediaman ahli keluarga anggota berkenaan.

Turut hadir bagi menyempurnakan penyerahan hamper Hari Raya tersebut ialah isteri-isteri kepada Pemerintah AB, Timbalan Pemerintah AB, Ketua Staf AB dan Ketua Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama. Selain mengeratkan silaturahmi antara keluarga warga MAB ABDB, pemberian hamper ini sebagai penghargaan di atas pengorbanan isteri & keluarga anggota MAB ABDB yang menyambut hari raya tanpa suami di sisi kerana berkhidmat di luar negara.




AKTIVITI KEBAJIKAN

Sudah menjadi kebiasaan Tabung Kebajikan ABDB akan diberikan kepada anggota-anggota ABDB yang di timpa musibah. Selain derma dari Tabung Kebajikan ABDB, warga MAB ABDB juga membuat kutipan derma seangkatan-hati bagi membantu dua anggota MAB ABDB yang mengalami kerosakan rumah disebabkan bencana alam dan juga menemani anak menjalani perubatan di luar negara. Derma tersebut disampaikan oleh Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah AB ABDB pada 19 Ogos 2022.



Sembahyang Terawih berjemaah



Tadarus Al-Quran

AKTIVITI-AKTIVITI KEAGAMAAN SEPANJANG BULAN RAMADHAN

Seperti biasanya di bulan Ramadhan, pelbagai aktiviti keagamaan telah diungkapkan oleh MAB ABDB bagi menghormati bulan yang penuh keberkatan ini dan sekaligus mengambil peluang mengumpul pahala dengan berbuat kebajikan. Selain meneruskan rutin mingguan Halaqah Pagi Isnin di Bilik Kuliah, MAB ABDB juga turut mengadakan Tadarus Al-Quran bagi mengimarahkan

lagi Ramadhan al-Mubarak pada setiap hari bekerja bertempat di Ibu Pejabat MAB ABDB. Aktiviti Pagi ini dihadiri oleh semua warga MAB ABDB dan dipimpin oleh wakil dari JAMA'AT.

Bukan itu sahaja, anggota-anggota MAB juga menghadiri Kuliah Zuhur selepas solat Zuhur berjemaah di Surau Ad-Difa', Bolkliah Garison. Kuliah tersebut telah disampaikan oleh wakil dari JAMA'AT yang mengupas topik-topik berhubung kait dengan bulan Ramadhan dan kemanusiaan.

Pada masa yang sama, MAB juga tidak lupa mengungkapkahkan kempen membersihkan dan membaca tahlil di Tanah Perkuburan Islam di Bolkliah Garison. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kerohanian dan kerjasama di kalangan anggota MAB.



Kempen membersihkan kubur

MAJLIS PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM

Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diadakan di Bilik Persidangan Pusat Gerakan Bersama, Bolkiah Garison. Pengagihan kurma tersebut telah disempurnakan oleh Yang Mulia Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah AB ABDB kepada Pegawai-pegawai Turus sel MAB ABDB.



PROGRAM JANGKAUAN IHYA RAMADAN

Program Jangkauan Ihya Ramadan merupakan acara kemuncak yang dikendalikan oleh MAB ABDB bersempena bulan Ramadan. Program tersebut telah diadakan di Masjid Kampong Menunggol.

Turut hadir bagi majlis tersebut adalah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Pemerintah ABDB, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah AB ABDB, Pegawai-pegawai Kanan ABDB, Pegawai-pegawai, anggota-anggota tentera, Ketua Kampong Kampong Menunggol serta penduduk kampung tersebut.

Program Jangkauan Ihya Ramadhan ini diungkapkan untuk mengeratkan hubungan kemasyarakatan terutama bersama penduduk Kampong Menunggol di samping meningkatkan lagi ibadah dan meraih ganjaran yang besar dalam bulan yang mulia ini.



ACARA SAHUR ERATKAN SILATURAHIM

Rabu, 18 April 2023, Pegawai-pegawai MAB ABDB berpeluang bersama-sama mengadakan Acara Sahur bertempat di Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Hadir di acara tersebut ialah Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah AB ABDB.

Acara Sahur ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara Pegawai dan ahli keluarga serta merayakan kejayaan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sepanjang bulan Ramadan yang diungkapkan oleh MAB ABDB. Bukan itu sahaja, MAB ABDB juga mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada setiap tahun yang diadakan di Pejabat Markas, iaitu setiap anggota pelbagai peringkat akan menyumbangkan juadah yang beraneka rasa dan bertemakan Hari Raya Aidilfitri.



AKTIVITI-AKTIVITI SUKAN

Penulis: 19819 Sarjan Kharol Hamizan bin Kipli

Dalam memastikan kesihatan jasmani dan mental serta sekaligus mengeratkan silaturahim semua peringkat, MAB ABDB juga sering mengadakan acara sukan dan aktiviti riadah seperti perlawanan Bola Sepak, Sepak Takraw, Bola Jaring, Bola Tampar, *Bowling* dan Mendaki Bukit secara berkumpulan bersama anggota-anggota Unit Angkatan Tentera yang lain.



Perlawanan Sepak Takraw



Riadah Mendaki Bukit di Bukit Shah Bandar



Johan bagi Perlawanan Bola Tampar



Perlawanan Bola Jaring Pegawai Wanita antara MAB dan unit Tentera Darat Diraja Brunei



Perlawanan *Bowling* pada hari Jumaat, 22 Julai 2022 bertempat di Golden Bowling Brunei, Time Square Shopping Centre














Riadah Mendaki Bukit di Bukit Shah Bandar pada hari Jumaat, 27 Januari 2023

PERTANDINGAN REKA BAJU MAB ABDB



Pertandingan mereka bentuk baju sukan Markas Angkatan Bersama telah diadakan di antara sel-sel Markas Angkatan Bersama pada tahun 2022. 16236 Staf Sarjan Khairul Hamdi bin Awg Haji Zaini dari Unit Pertahanan Siber telah muncul sebagai pemenang bagi pertandingan tersebut.

CADANGAN PILIHAN BACAAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA





PERKASA

PERPADUAN DAN KERJASAMA

